

Kabinet tangguh keputusan potong belanjawan

KUALA LUMPUR, Rabu — Kabinet hari ini menangguhkan keputusan mengenai pemotongan belanjawan tahun ini hingga ke sidang Kabinet Rabu depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu keputusan menangguhkan keputusan perbincangan perkara tersebut bagi membolehkan setiap kementerian mengkaji secara perinci bidang-bidang yang patut dipotong atau ditangguhkan pelaksanaannya.

"Kerajaan tidak mahu bidang-bidang yang agak penting ditangguhkan manakala yang tidak penting dilaksanakan," tambah beliau selepas mempengerusikan sidang Kabinet di Bangunan Komputer di sini pagi ini.

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah mengumumkan semalam bahawa cadangan pemotongan tersebut akan dikemukakan kepada Kabinet untuk diputuskan hari ini.

Cadangan tersebut adalah hasil dari per-

bincangan antara Perbendaharaan dengan Ketua-ketua Setiausaha, Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Perbadanan.

Difahamkan cadangan yang dikemukakan itu menunjukkan kira-kira 12 peratus perbelanjaan patut dipotong memandangkan keadaan ekonomi negara.

Tambahan

Bagaimanapun, mengikut Tengku Razaleigh, pemotongan atau penangguhan pelaksanaan projek tidak dibuat sama rata dengan kementerian-kementerian.

Katanya, ada kementerian penting akan diberi peruntukan tambahan.

Sebelum ini, Menteri Kewangan pernah menyebut bahawa kerajaan akan membelanjakan lebih kurang \$28,000 juta sahaja. Ini adalah berkurangan \$6,000 juta dari belanjawan yang dibentangkan pada bulan Oktober untuk tahun 1982 iaitu \$32,000 juta.

Sumber-sumber rasmi

pula memberitahu, kerajaan sedang menimbangkan untuk memotong kira-kira \$4.4 juta dari \$14,632 juta yang diperuntukkan untuk belanjawan pembangunan.

Datuk Seri Dr. Mahathir enggan memberi komen mengenai jumlah yang dianggap akan dikurangkan pada tahun ini.

Antara Kementerian yang dijangka akan dapat peruntukan tambahan ialah Kementerian Pelajaran, Kementerian Perumahan Awam, Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sumber rasmi memberitahu, peruntukan membina rumah murah dan jalan serta kemudahan infrastruktur tidak terjejas.

Strategi ini digunakan untuk memastikan kemudahan untuk kepentingan rakyat tidak terjejas dan bila ekonomi pulih semula kita akan dapat melaksanakan projek pembangunan segera.

No. Siri 2866
No. Penerimaan 611/85